

# Seksa saksi samun

5 penjenayah kurung mangsa 21 hari desak tidak beri keterangan pada perbicaraan

Metro 12/8/12 MS 4.

>>Oleh Mohd Firdaus Ibrahim dan Muhaamad Hafis Nawawi

mfirdaus@hmetro.com.my

**K**UALA LUMPUR: "Bagaikan dalam neraka...hampir setiap hari saya ditumbuk, ditampar selain di sepak terajang," kata Mohamad, 34, menceritakan pengalaman ngeri dikurung selama 21 hari di sebuah rumah oleh sekumpulan lima penjenayah sejak 'diculik' di hadapan rumahnya di Cheras, di sini, pada 23 Julai lalu.

Menurutnya, lima penjenayah bersenjatakan pisau itu bertindak demikian kerana mahu mendesaknya supaya tidak menghadiri perbicaraan kes samun membabitkan empat lagi rakan mereka yang dijadualkan berlangsung selepas Aidilfitri.

"Jika saya tidak datang (perbicaraan), rakan mereka berpeluang untuk dibebaskan daripada kesalahan jenayah itu," katanya yang juga saksi utama satu kejadian samun yang berlaku awal Januari lalu, ketika ditemui, di sini, semalam.

Mohamad berkata, dia hanya dibebaskan kumpulan penjenayah itu jam 5 petang, 12 Ogos lalu selepas dipaksa menan-



datangani surat perjanjian yang kononnya dia berhutang dengan kumpulan itu RM15,000 sebelum membuat laporan di Balai Polis Cheras, di sini, kelmarin.

"Dengan surat perjanjian itu, mereka (penjenayah) mengugut untuk membuat laporan polis mendakwa saya tidak membayar hutang berkenaan sekiranya menghadiri perbicaraan," katanya.

Diminta menceritakan semula kejadian itu, Mohamad berkata, dia 'diculik' kumpulan penjenayah terbabit pada 23 Julai lalu ketika berjalan ke tempat letak kereta di kawasan rumahnya.

"Saya dihampiri tiga da-

ripada mereka sebelum dipaksa masuk ke dalam sebuah kereta. Dua tangan dan kaki saya diikat manakala mata ditutup.

"Mereka kemudian membawa saya ke sebuah rumah yang tidak tahu di mana lokasinya sebelum mengurung saya di situ," katanya.

Mohamad berkata, sepanjang dikurung dia dipukul kumpulan itu hampir setiap hari.

"Saya disepak terajang, ditumbuk dan ditampar kumpulan itu bergilir-gilir. Mereka (penjenayah) mengarahkan saya supaya menghilangkan diri dan tidak mengikuti perbicaraan empat rakan mereka sekiranya mahu selamat," katanya desakan itu me-

nyedarkannya tujuan sebenar dia diculik.

Katanya, dia dijadikan tawanan hampir 21 hari dan sepanjang tempoh itu mengakui bagaikan berada dalam 'neraka'.

"Saya hanya dibenarkan menjamah sedikit nasi kosong dan roti untuk terbuka selama tempoh berkenaan," katanya.

Menurutnya, dia dibebaskan jam 5 petang selepas dipaksa menandatangani satu surat perjanjian.

"Kandungan surat itu tertulis bahawa saya meminjam RM15,000 daripada mereka. Seorang daripada suspek mendakwa, mereka akan membuat laporan polis mengatakan saya tidak melunaskan

pinjaman itu dan memastikannya saya dipenjarakan sekiranya muncul di hari perbicaraan itu," katanya.

Mohamad berkata, biarpun tidak mahu menandatangani surat perjanjian itu namun dia terpaksa membuat demikian kerana kumpulan itu mengacukan pisau selain memukulnya berulang-kali.

"Selepas mengikut arahan mereka, saya dibawa menaiki sebuah kereta sebelum ditinggalkan di kawasan Cheras," katanya.

Katanya, pada mulanya dia tidak berani untuk membuat laporan polis namun selepas dinasihatkan rakan dan keluarga, dia membuat laporan berkenaan.

Ditanya mengenai pendiriannya sama ada mahu menghadiri perbicaraan itu atau sebaliknya, Mohamad berkata, dia akan pergi sekiranya keselamatannya terjamin.

Akibat insiden itu, selain trauma Mohamad mengalami kecederaan di seluruh badan akibat dipukul.

Sementara itu, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kuala Lumpur, Datuk Ku Chin Wah ketika dihubungi, mengesahkan menerima laporan kejadian itu dan memberitahu siasatan lanjut dilakukan.